

**UPNM HOLDINGS SDN. BHD.  
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

---

**TAWARAN NO. : UPNMHLDG 04.06/3 (230)**

**TAJUK KERJA**

**TAWARAN KERJASAMA PERNIAGAAN KANTIN DI KOLAM RENANG UNIVERSITI  
PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

<b>TARIKH TUTUP</b>	<b>:</b>	<b>22 JULAI 2016 - 12.00 TENGAHARI</b>
<b>TEMPAT</b>	<b>:</b>	<b>UPNM HOLDINGS SDN. BHD. d/a BAHAGIAN KEPIMPINAN, KORPORAT &amp; PERHUBUNGAN ANTARABANGSA UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA</b>

**COP RASMI PENGUSAHA**

**NO. TEL. PENGUSAHA**

**NO. FAKS PENGUSAHA**

**Tawaran ini dikeluarkan oleh:**

**UPNM Holdings Sdn. Bhd.  
d/a Bahagian Kepimpinan, Korporat & Perhubungan  
Antarabangsa, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem  
Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur.**

**UPNM HOLDINGS SDN. BHD.**

## **BORANG TAWARAN**

### **Perhatian:**

Borang Tawaran/Sebut harga mesti diisi dengan butir-butir yang lengkap dikembalikan dan di alamatkan kepada:

**UPNM Holdings Sdn. Bhd.**  
**d/a Bahagian Kepimpinan, Korporat & Perhubungan Antarabangsa**  
**Universiti Pertahanan Nasional Malaysia**  
**Kem Sungai Besi**  
**57000 Kuala Lumpur**

**Tidak lewat jam 12.00 tengahari pada 22 Julai 2016 dan dimajukan ke UPNM Holdings Sdn. Bhd., d/a Bahagian Kepimpinan, Korporat & Perhubungan Antarabangsa, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, 57000 Kuala Lumpur dalam sampul surat yang bermeteri dan ditanda dengan :**

**TAWARAN KERJASAMA PERNIAGAAN KANTIN DI KOLAM RENANG UNIVERSITI  
PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**  
TARIKH TUTUP : 22 Julai 2016

**Kepada,**  
**Pengarah**  
**UPNM Holdings Sdn. Bhd.**

Saya/kami yang bertandatangani di bawah ini bersetuju dengan tawaran kerjasama perniagaan kantin di kolam renang, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dalam kontrak ini dan akan menjalankan kerja-kerja perniagaan secara kolaborasi (perkongsian pintar) dengan pihak UPNM Holdings Sdn. Bhd. (selepas ini dirujuk UPNMHOLDINGS) dengan memuaskan atas penilaian UPNMHOLDINGS dan berdasarkan syarat-syarat yang disebut di bawah ini dan lain-lain surat arahan yang diberi oleh pihak UPNMHOLDINGS. Saya/kami juga faham dan bersetuju mengadakan kolaborasi atau perkongsian pintar merangkumi keseluruhan pengoperasian termasuk pelantikan staf serta penglibatan UPNMHOLDINGS secara langsung dalam pengoperasian dan pentadbiran perniagaan. Saya/kami juga faham dan bersetuju bahawa kedua-dua pihak akan menanggung kos dan untung/rugi yang sama rata iaitu 50:50. Kedua-dua syarikat akan memegang ekuiti dan mengeluarkan modal syer yang sama iaitu sebanyak 50:50.

UPNMHOLDINGS tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang dikemukakan oleh Petender.

### **SYARAT-SYARAT KONTRAK**

#### **1. LESEN PERNIAGAAN**

Petender (selepas ini dirujuk sebagai Rakan Kolaborasi) hendaklah mempunyai lesen perniagaan yang berkaitan (ROB/ROC/Lesen Penaja) untuk menawarkan sebutharga bagi perolehan di atas.

## **2. TEMPOH KONTRAK**

(3 + 1) tahun - setelah tamat tahun ketiga kontrak, UPNMHOLDINGS akan menilai semula perkhidmatan dan sekiranya memuaskan akan dilanjutkan untuk tempoh satu (1) tahun lagi atau menamatkan untuk tempoh tiga (3) tahun sahaja yang telah dijalankan sekiranya perkhidmatan didapati tidak memuaskan berdasarkan penilaian pihak UPNMHOLDINGS. Walau bagaimanapun UPNMHOLDINGS adalah berhak untuk menamatkan kontrak ini pada bila-bila masa dan pihak Rakan Kolaborasi tidak berhak untuk menuntut sebarang pampasan/bayaran atas sebarang kerugian yang mungkin di alami.

## **3. BAYARAN SEWAAN**

Bayaran sewaan premis perniagaan adalah dikecualikan sehingga diarah membuat bayaran pada satu kadar yang akan ditetapkan dan pada satu tarikh yang akan dikuatkuasakan. UPNMHOLDINGS akan memajukan notis pemberitahuan sekurang-kurangnya 30 hari atau satu (1) bulan sebelum tarikh kuatkuasa.

## **4. BAYARAN BIL AIR/ELEKTRIK**

Segala bil air/elektrik adalah dibawah tanggungjawab bersama di antara UPNMHOLDINGS dengan Rakan Kolaborasi dan hendaklah dipastikan bayaran dibuat pada setiap bulan bagi mengelakkan sebarang kesulitan.

## **5. MASA PERKHIDMATAN/JADUAL KERJA/ARAHAAN**

- (a) Perkhidmatan adalah menyediakan tenaga kerja, peralatan, pengangkutan secukupnya dan lain-lain keperluan yang wajar untuk menyediakan makan/minum yang ditetapkan di premis perniagaan kantin di kolam renang, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).
- (b) Rakan Kolaborasi perlu menyediakan peralatan seperti pinggan mangkuk, cawan dan gelas serta lain-lain peralatan yang menggunakan jenis material selain daripada plastik.
- (c) Perkhidmatan hendaklah dijalankan mengikut ketetapan yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh UPNMHOLDINGS dari masa ke semasa.
- (d) Pegawai Penguasa berhak mengarahkan Rakan Kolaborasi untuk menyediakan tong sampah di kawasan premis perniagaan kantin serta menguruskan pembuangan sampah pada setiap hari.
- (e) Pihak UPNMHOLDINGS berhak mengenakan caj jika aspek kebersihan tidak dipatuhi.

## **6. PEKERJA**

- (a) Semua pekerja akan dilantik secara bersama dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu UPNMHOLDINGS dan Rakan Kolaborasi. Semua pekerja hendaklah di dalam pelantikan tetap. Pekerja-pekerja mestilah bebas dari penyakit berjangkit dan penagihan dadah. Pekerja yang

bukan warganegara hendaklah dipastikan mempunyai dokumen bekerja yang sah dari segi undang-undang.

- (b) Pekerja-pekerja yang dilantik hendaklah dipastikan berkelakuan baik pada setiap masa dan patuh pada arahan yang diberikan oleh Pegawai Penguasa. Pekerja-pekerja hendaklah memelihara perhubungan baik dengan kakitangan UPNMHOLDINGS khususnya dan Universiti amnya.
- (c) Perlu dipastikan maklumat semua pekerja-pekerja yang diambil bekerja olehnya untuk kontrak ini disediakan bersama dengan butir-butir berikut:
- (i) Nama
  - (ii) Alamat
  - (iii) Nombor Kad Pengenalan
  - (iv) Kerakyatan
  - (v) Jantina Dan Umur
  - (vi) Gaji
  - (vii) Lain-lain maklumat berkaitan, jika diminta oleh Pegawai Penguasa.

- (d) Pengawai Penguasa berhak membantah dan mengarah dikeluarkan dengan serta-merta (tanpa notis daripada kawasan kampus mana-mana pekerja yang mengingkari peraturan-peraturan di atas, pada pandangannya telah berkelakuan buruk atau tidak bekerja/malas atau telah cuai menjalankan kerja dengan sempurna atau pengambilannya difikirkan sebagai tidak dikehendaki.

Mana-mana pekerja yang dibuang demikian kerja hendaklah diganti seberapa segera dengan pengganti yang cekap bagi memastikan kerja-kerja dapat dijalankan tanpa tertangguh.

## **7. PENGAWASAN PENGUSAHA PREMIS PERNIAGAAN**

Bagi maksud kesempurnaan dan kelincinan perjalanan kontrak ini, hendaklah dilantik seorang Penyelia yang bertanggungjawab dalam apa-apa hal bagi mewakili kedua-dua pihak.

## **8. PERUBATAN DAN INSURAN/KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA DAN PERKESO**

Penyediaan segala kemudahan ini adalah dibawah tanggungjawab bersama UPNMHOLDINGS dengan Rakan Kolaborasi dan diuruskan oleh Penyelia.

## **9. PAKAIAN SERAGAM**

Semua pekerja termasuk Penyelia dikehendaki memakai pakaian uniform seragam yang sesuai dengan tugas-tugas pekerja untuk mudah dikenali.

## **10. PERATURAN KESELAMATAN**

- (a) Kedua-dua pihak iaitu UPNMHOLDINGS dan Rakan Kolaborasi tidak boleh melanggar Akta Buruh Jan, 1992, iaitu pengambilan buruh tanpa kelulusan pihak berkuasa.

- (b) Kedua-dua pihak melalui penyelia yang dilantik hendaklah sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan keselamatan yang berkuatkuasa sekarang mahupun yang akan datang dan akan menanggung segala kos yang terlibat menguatkuasanya.
- (c) Kedua-dua pihak melalui penyelia yang dilantik hendaklah bertanggungjawab untuk mengambil segala langkah-langkah keselamatan yang perlu bagi mengelakkan pekerja-pekerja dan orang ramai serta harta benda daripada bahaya.

**11. URUSAN PAS KESELAMATAN DI DALAM KEM**

- (a) Permohonan pas keselamatan di Kem Sungai Besi bagi sebarang urusan keluar masuk di dalam kem adalah dibawah tanggungjawab Rakan Kolaborasi. Pihak UPNMHOLDINGS hanya membantu membuat pengesahan bagi mendapatkan pas.

**12. KEMALANGAN/KECEDERAAN DAN KEROSAKAN KEPADA HARTA UNIVERSITI**

- (a) Penyelia hendaklah dengan serta-merta memaklumkan kepada Pegawai Pengguna apa-apa kemalangan atau kerosakan yang berlaku di kawasan kerja. Penyelia perlu mengenalpasti pihak yang perlu membayar gantirugi kepada orang perseorangan dan juga UPNMHOLDINGS terhadap apa-apa tuntutan kerana kemalangan dan kerosakan yang disahkan telah disebabkan oleh kecuaian pekerja semasa menjalankan kerja-kerja.

**13. MENYEDIA/MENGEMUKAKAN KEPADA UPNMBC DOKUMEN BERIKUT:**

- (a) Satu perjanjian dokumen kontrak berhubung tawaran ini akan disediakan oleh UPNMHOLDINGS dan apa-apa kos yang berkaitan adalah tanggungjawab Rakan Kolaborasi.

**14. YANG BERTANDATANGAN DI BAWAH INI BERSETUJU BAHAWA :**

- (a) Jika tawaran ini ditarik balik sebelum tamatnya Tempoh Sah Tawaran atau apa-apa tempoh lanjutan, atau
- (b) Jika yang bertandatangan di bawah ini mengenakan apa-apa had, syarat atau janjian tambahan kepada tawaran ini selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan tawaran, atau
- (c) Jika sekiranya tawaran telah disetujuterima yang bertandatangan di bawah ini enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal sebagaimana dikehendaki oleh Syarat-syarat Kontrak atau tidak meneruskan kerja-kerja, maka dalam mana-mana hal itu, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, UPNMHOLDINGS sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran di bawah ini sebagai Rakan Kolaborasi iaitu digantung pendaftaran selama dua (2) tahun bagi kesalahan pertama, lima (5) tahun bagi kesalahan kedua dan dipotong pendaftaran bagi kesalahan seterusnya, sebagaimana difikirkan perlu oleh UPNMHOLDINGS.

Pengusaha

Nama : \_\_\_\_\_  
(Huruf Besar) \_\_\_\_\_ (Tandatangan)

Jawatan : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Saksi

Nama : \_\_\_\_\_  
(Huruf Besar) \_\_\_\_\_ (Tandatangan)

Jawatan : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Meterai atau Cop Rasmi Syarikat/Pengusaha

Cadangan Perkhidmatan Menyediakan Makan/Minum di Kantin Kolam Renang, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

**CONTOH PENYEDIAAN SEBUTHARGA BAGI MAKANAN/MINUMAN**

ITEM	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)
<b>1. Menu Sarapan Pagi</b> (i) Nasi Lemak Biasa (ii) Mi Goreng Biasa (iii) Mee Sup (iv) Kuey Tiaw Goreng (v) Nasi Goreng (vi) Mee Hun Goreng (vii) Kuih	1 1 1 1 1 1 1	
<b>2. Menu Makan Tengahari</b> (i) Nasi Putih (ii) Ayam Goreng (iii) Sayur Goreng (iv) Ikan Goreng (v) Ayam Masak Lemak	1 1 1 1 1	
<b>3. Menu Petang</b> (i) Kuih Karipap (ii) Kuih Cara (iii) Kuih Bingka Ubi	1 1 1	
<b>4. Minuman Petang</b> (i) Air Kosong (ii) Air Sirap (iii) Teh Panas (iv) Teh Ais (v) Nescafee Panas (vi) Nescafee Ais	1 1 1 1 1 1	

\* **Catatan :** Tawaran Sebutharga Adalah Tidak Terhad Kepada Makanan/Minuman Di Atas Sahaja. Senarai Makanan/Minuman Di atas Adalah Sebagai Garis Panduan Dalam Penyediaan Sebutharga.

**15. Keterangan Pengusaha / Syarikat**

- (a) Pendaftaran lesen perniagaan
- (b) Nama Syarikat : \_\_\_\_\_
- (c) Alamat Syarikat: \_\_\_\_\_  
i) No. Sijil Lesen Perniagaan \_\_\_\_\_  
ii) Tempoh sahlaku lesen perniagaan \_\_\_\_\_  
iii) Tarikh Mula: \_\_\_\_\_ Tarikh Tamat: \_\_\_\_\_  
iv) Taraf : Bumiputera / Bukan Bumiputera (\*potong yang tidak berkaitan)
- (d) Pendaftaran sebagai Pengusaha premis perniagaan kantin Bertaraf Bumiputera (kepada yang berkenaan)
- (e) Laporan Kerja-kerja yang telah / sedang dijalankan .  
(i) Keterangan sekiranya pernah atau sedang menjalankan perkhidmatan kerja-kerja di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Bil	No. Kontrak/tawaran	Keterangan Kerja	Tempoh	Nilai Kontrak

Nota : Sila Sertakan lampiran sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi.

Nama Pengusaha : \_\_\_\_\_

Tandatangan Pengusaha: \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Meteri atau Cop Rasmi Pengusaha/Syarikat

(f) Profail Syarikat.

- (i) Keterangan perkhidmatan kerja yang berkaitan yang pernah atau sedang dijalankan untuk tempoh mulai 01.01.2007 hingga sekarang (selain di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia)

Bil	No. Kontrak/Tawaran	Keterangan Kerja & Tempat	Tempoh	Nama Pegawai Penguasa & Nombor Telefon	Nilai Kontrak

Nota : Sila sertakan lampiran sekiranya ruang disediakan tidak mencukupi.

- (ii) Rakan Kolaborasi mesti mengemukakan keterangan yang diperlukan dan berkaitan seperti yang dinyatakan di atas dengan menyertakan salinan dokumen-dokumen berkaitan seperti dinyatakan diperenggan 16(a) hingga 16(g) untuk menyokong tawaran masing-masing. Kegagalan mengemukakan laporan lengkap dan menyertakan salinan dokumen yang dinyatakan akan menyebabkan tawaran ini untuk tidak dipertimbangkan.

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Nama : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Meteri atau Cop Rasmi Rakan Kolaborasi

(g). Kewangan / Modal

(a) Status syarikat : Perseorangan / Perkongsian / Syarikat Sdn. Bhd. / Syarikat Berhad.

(b) Modal Dibenarkan : RM \_\_\_\_\_

(c) Modal Berbayar : RM \_\_\_\_\_

(d) Modal Pusingan : RM \_\_\_\_\_

(e) Penyata Bank / Kewangan (sila kemukakan salinan bagi enam (6) bulan terakhir dan Salinan dokumen berkaitan untuk rujukan penilaian tawaran.)

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Nama : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Meteri atau Cop Rasmi Pengusaha/Syarikat

**17. PEMBERIAN MILIK/PEMAJAKAN KONTRAK**

(a) Rakan Kolaborasi adalah tidak dibenarkan memberi milik kontrak ini atau mana-mana bahagiannya, menggadai janji, menggadai atau mempertanggungjawabkan apa-apa jua dari wang yang kena bayar atau yang telah genap masanya untuk dibayar di bawah perjanjian ini. Kontrak ini dan apa-apa faedah yang terlibat atau mungkin terbit dari perjanjian ini dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada UPNMHOLDINGS.

**18. REPRESENTASI DAN WARANTI**

(a) Rakan Kolaborasi dengan ini mengakujanji bahawa segala keterangan yang dikemukakan adalah benar.

(b) Rakan Kolaborasi adalah sebuah syarikat yang sah ditubuhkan di Malaysia dengan mempunyai kuasa dan layak untuk menjalankan kontrak tersebut dengan menyempurnakan segala kehendak undang-undang untuk menjalankan kontrak tersebut.

(c) Segala tindakan yang perlu dan wajar telah diambil oleh Rakan Kolaborasi, tawaran kerjasama perniagaan kantin untuk melayakkan menandatangani perjanjiaan ini.

(d) Tidak ada tindakan undang-undang atau apa-apa prosiding telah diambil atau sedang dijalankan di Mahkamah atau badan lain yang boleh menggugat atau memberi kesan kepada keadaan dan perniagaan Rakan Kolaborasi.

- (e) Segala kebenaran, lesen dan hal-hal lain yang berkaitan dengan Rakan Kolaborasi, telah diperolehi dan disempurnakan dan tidak ada apa-apa keadaan atau syarat-syarat yang boleh menyebabkan kebenaran atau lesen Rakan Kolaborasi ditarik balik.
- (f) Segala butiran atau keterangan termasuk keadaan kewangan Rakan Kolaborasi yang dikemukakan kepada UPNMHOLDINGS adalah benar belaka.
- (g) Bahawasanya reprentasi dan waranti yang telah diberikan di atas akan berkuatkuasa dalam tempoh berkuatkuasanya perjanjian ini.

**19. PENGAKUAN PETENDER**

- (a) Saya/kami yang bertandatangan di bawah ini telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di Borang / Dokumen Tawaran.
- (b) Saya/kami faham keterangan/ maklumat yang dikemukakan dan dokumen berkaitan yang dikemukakan adalah bagi menyokong tawaran ini. Maklumat yang diambilkira kemudian selepas tawaran ini ditutup tidak akan diambilkira untuk di ambil penilaian keupayaan syarikat saya/kami.
- (c) Saya/kami juga maklum bahawa penilaian ke atas tawaran ini akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan langsung sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap dan telah disahkan.
- (d) Saya/kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan adalah betul dan benar belaka. Saya/kami juga bersetuju bahawa UPNMHOLDINGS boleh bertindak mengikut budibicaranya sendiri untuk mengetahui kedudukan sebenar maklumat yang dinyatakan.
- (e) Sekiranya mana-mana maklumat yang dinyatakan didapati tidak benar, UPNMHOLDINGS berhak untuk membatalkan tawaran ini atau menarik semula kontrak berkenaan kemudian.

\*\*\*\*\*

Dengan disaksikan oleh pihak-pihak di sini, kedua-dua pihak menurunkan tandatangan pada tarikh seperti yang tersebut di atas.

Ditandatangani Bagi Pihak )  
UPNM Holdings Sdn. Bhd. ) .....  
Nama :  
No. KP :  
Jawatan :

.....  
Tandatangan Saksi  
Nama :  
No.KP :  
Jawatan:

Ditandatangani oleh atau )  
bagi Pihak Pengusaha di hadapan ) .....  
Nama :  
No. KP :  
Jawatan :

.....  
Tandatangan Saksi  
Nama :  
No.KP :  
Jawatan: